



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

PENGUMUMAN RASMI

BILANGAN 11 TAHUN 2025

**PELEPASAN KULIAH DAN AKTIVITI AKADEMIK KEPADA PELAJAR YANG
TERJEJAS AKIBAT BENCANA BANJIR DI SEBAHAGIAN NEGERI DI MALAYSIA**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Kepada semua Fakulti/Pusat Pengajian, pensyarah dan pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

2. Sepertimana sedia maklum, bencana banjir telahpun melanda di beberapa kawasan sebahagian negeri di Malaysia. Dimaklumkan juga terdapat sebahagian pelajar UMPSA telah mengalami musibah dan terjejas akibat daripada bencana banjir yang telah melanda di kawasan kediaman keluarga pelajar yang terlibat.

3. Sehubungan itu, bagi membantu meringankan bebanan pelajar yang terlibat dengan bencana banjir ini, pihak pengurusan universiti telah bersetuju memberikan kelonggaran pelaksanaan aktiviti akademik kepada pelajar seperti berikut:

- i. Sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan **berjalan seperti biasa dan tiada penangguhan kuliah** akan dilaksanakan sepanjang tempoh bencana banjir ini. **Walau bagaimanapun, bagi pelajar yang terkesan atau terlibat dengan bencana banjir ini, pelepasan dari menghadiri kuliah atau aktiviti akademik akan diberikan** kepada pelajar berkenaan pada **minggu kelapan (ke-8) kuliah bagi Semester I, Sesi Akademik 2025/2026** iaitu bermula pada **1 Disember 2025 (Isnin) sehingga 7 Disember 2025 (Ahad)**. Manakala bagi **pelajar yang tidak terjejas dengan bencana banjir, kehadiran ke kuliah dan aktiviti akademik adalah berjalan seperti biasa.**
- ii. Bagi tujuan permohonan pelepasan ini, pelajar diminta untuk menghubungi penasihat akademik dan pensyarah kursus masing-masing bagi memaklumkan status dan situasi semasa pelajar yang terkesan dengan bencana ini.

4. Selaras dengan kelonggaran aktiviti akademik yang diberikan ini, para pensyarah di Fakulti/Pusat Pengajian adalah disarankan bagi membantu pelajar yang terkesan dengan bencana banjir ini seperti berikut:

- i. Para pensyarah diberikan budi bicara bagi menyantuni pelajar yang terjejas ini dengan memberikan tempoh masa yang tertentu atau menggunakan kaedah yang dirasakan bersesuaian bagi pelaksanaan aktiviti di makmal dan aktiviti PdP yang lain.
- ii. Semua pensyarah diminta berusaha sebaik mungkin bagi menangguhkan pelaksanaan kuiz atau penilaian/pentaksiran awal bagi semua kursus kepada **minggu kesembilan (ke-9) sesi kuliah** agar memberi ruang dan peluang kepada pelajar yang terjejas untuk mengulangkaji semula pelajaran yang tertinggal semasa tempoh pelepasan kuliah diberikan.
- iii. Para pensyarah juga disaran untuk membuat rakaman semasa sesi PdP sedang dilaksanakan sama ada di bilik/dewan kuliah atau di makmal dalam tempoh bencana ini bagi membantu pelajar yang tidak dapat hadir atau mengikuti sesi PdP akibat terjejas dengan bencana banjir ini. Rakaman ini hendaklah dimuatnaik di dalam platform yang bersesuaian atau diberikan kepada pelajar yang terlibat bagi memudahkan rujukan pelajar pada masa akan datang.

5. Pihak Fakulti/Pusat Pengajian juga boleh membantu dengan mengenalpasti pelajar yang terjejas atau terkesan dalam bencana ini untuk diberikan bantuan yang bersesuaian supaya aktiviti akademik pelajar tidak terganggu dan berjalan dengan baik.

6. Pelajar yang terkesan dan terjejas dengan bencana banjir boleh menghubungi **Hotline Bencana UMPSA** melalui talian **09-4319999 / 09-4315005 / 09-4315065** atau mengisi maklumat di **"SISTEM RES-Q BENCANA UMPSA"** yang boleh diakses melalui pautan berikut (<https://std-comm.ump.edu.my/ecommstudent/studentResQ/index.jsp>) untuk dipertimbangkan bantuan yang sewajarnya.

7. Kerjasama daripada pihak Fakulti/Pusat Pengajian, para pensyarah dan semua pelajar dalam menyelaraskan dan mematuhi perkara ini adalah amat dihargai. Mengambil kesempatan ini, marilah bersama-sama kita mendoakan agar bencana banjir ini dapat berakhir dengan segera dan semua warga UMPSA yang terjejas, dilindungi serta diberikan ketabahan dalam menghadapi dugaan bencana ini.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

28 November 2025